



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOVEL-NOVEL PRAMOEDYA ANANTA TOER DALAM ANALISIS HEGEMONI JURNALISTIK

AZMAN BIN ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membuktikan kewujudan bentuk-bentuk gerakan ideologi, gerakan intelektual dan perang kesedaran dalam lima buah novel Pramoedya Ananta Toer. Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan. Sumber utama data adalah lima buah novel karya Pramoedya iaitu *Gadis Pantai* (1987) dan Tetralogi *Bumi Manusia* yang terdiri daripada *Bumi Manusia* (1980), *Anak Semua Bangsa* (1980), *Jejak Langkah* (1985) dan *Rumah Kaca* (1988). Kaedah analisis kandungan bersandarkan kerangka konsep *Hegemoni Jurnalistik* digunakan untuk membuktikan kewujudan bentuk-bentuk gerakan ini. Kerangka konsep *Hegemoni Jurnalistik* dirangka berasaskan idea Hegemoni Antonio Gramsci dan Teori Jarum Hipodermik. Antonio Gramsci percaya, teks sastera merupakan antitesis masyarakat awam (*civil society*) atau kelas marginal melalui elemen ideologi, intelektual dan perang kedudukan terhadap kelompok dominan. Manakala teori Jarum Hipodermik bertujuan memahami bentuk-bentuk gerakan ideologi, intelektual dan perang kesedaran. Daripada idea dua buah teori ini, konsep *Hegemoni Jurnalistik* menggariskan tiga bentuk gerakan iaitu gerakan intelektual, gerakan ideologi dan perang kesedaran. Hasil analisis menunjukkan fungsi-fungsi jurnalistik hadir dalam lima buah novel Pramoedya dan berperanan sebagai satu bentuk hegemoni baharu kelas marginal Jawa untuk membebaskan diri daripada kekuasaan bangsawan dan kolonial Belanda. Melalui prinsip ideologi, novel-novel tersebut memperlihatkan gerakan ideologi terhadap nilai dan moral, sosiobudaya dan kesenian. Dalam aspek intelektual pula memperlihatkan gerakan dalam aspek kekuasaan, bahasa dan falsafah Jawa, manakala prinsip perang kesedaran menjurus kepada aspek undang-undang kolonial, kapitalisme dan birokrasi. Hasil kajian ini membuktikan lima buah novel Pramoedya menjadi medium pandangan dunia, pemikiran awam serta kesedaran sesebuah kelas sosial yang diwakili oleh pengarang, khususnya kelas marginal Jawa. Hasil kajian ini dapat membuktikan kekuatan karya kreatif khusus novel sebagai satu bentuk hegemoni baharu yang menyuntik maklumat-maklumat kepada pembaca dan mampu membantu membina blok sejarah kelas marginal untuk keluar daripada kesedaran palsu yang dicipta oleh elit-elit birokrasi feudal dan kolonial Belanda pada pertengahan abad ke-19 hingga awal abad ke-20 di Jawa.



PRAMOEDYA ANANTA TOER'S NOVELS THROUGH THE JOURNALISTIC HEGEMONY ANALYSIS

ABSTRACT

The study aims to prove the existence of forms of ideological movement, an intellectual movement and awareness in five novels by Pramoedya Ananta Toer. This study is a library research. The main source of data is the five novels by Pramoedya, namely *Gadis Pantai* (1987) and tetralogy of *Bumi Manusia* consisting of *Bumi Manusia*, (1980), *Anak Semua Bangsa* (1980), *Jejak Langkah* (1985) and *Rumah Kaca* (1988). Content analysis method based on the conceptual framework of journalism hegemony was used to prove the existence of forms of these movements. This framework is designed based on the concept of Antonio Gramsci's idea of Hegemony and the Hypodermic Needle Theory. Antonio Gramsci believed that literary texts is the antithesis of civil society or marginal class through the element of ideological, intellectual and war of position to the dominant group (political society). The Hypodermic Needle Theory seeks to understand the forms of ideological movement, intellectual and war of awareness movement. From the ideas of these two theories, the conceptual framework of journalistic hegemony outlined three forms and they are ideological movement, intellectual movement and war of awareness. The findings show the functions of journalism exist in the five novels by Pramoedya and serve as a new form of hegemony marginal Java classes to free themselves from the power of nobility and the Dutch colonial power. The novels show a movement through ideological principles against the ideology, moral, socio-culture and arts. The intellectual principles, show the movement of power, language and philosophy of Java, while war of awareness principles show a movement against the legal aspects of colonial, capitalism and bureaucracy. The finding of this study proved that five novels by Pramoedya are mediums of worldview and common sense as well as the awareness of a social class represented by the author, especially marginal Java class. This study can prove the power of creative work specifically novel as a form of hegemony to inject new information to the readers and to build a historical block and bring out the marginal class from false consciousness created by the bureaucratic elites of feudal and Dutch colonial power in the mid-19th century to the early 20th century in Java.



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

3.1	Rekabentuk Kajian	143
3.2	Hegemoni Jurnalistik	181
6.1	Perubahan Zaman dalam Kosmologi Jawa	346





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v

SENARAI RAJAH

vi



BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	15
1.3	Justifikasi Pemilihan Teks Kajian	19
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	23
1.7	Batasan Kajian	23
1.8	Definisi, Konsep dan Istilah	26



1.8.1	Hegemoni	26
1.8.2	Hegemoni Tandingan dan Hegemoni Jurnalistik	33
1.8.3	Ideologi	38
1.8.4	Intelektual Organik dan Intelektual Tradisional	41
1.8.5	Kelas Marginal	44
1.8.6	Masyarakat Awam	47
1.8.7	Pemikiran Awam	53
1.8.8	<i>Priyayi</i>	57
1.8.9	Pandangan Dunia	60
1.8.10	Negara	64

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	68
2.2	Perkembangan Kajian Hegemoni Gramsci	69
2.2.1	Kajian Hegemoni di Barat	73
2.2.2	Kajian Hegemoni di Indonesia	91
2.2.3	Kajian Hegemoni di Malaysia	97
2.3	Kajian Terhadap Pramoedya Ananta Toer	101

2.4 Kesimpulan

132

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan 135

3.2 Rekabentuk Kajian 136

3.3 Instrumen dan Sumber Data 144

3.4 Analisis Data 145

3.5 Teori Hegemoni Gramsci 146

3.5.1 Pramoedya, Hegemoni dan Kesusasteraan 171

3.5.2 Hegemoni Jurnalistik 178

3.6 Prinsip-Prinsip Hegemoni Jurnalistik 185

3.6.1 Kenyataan Sosial Teks 187

3.6.2 Ideologi dan Intelektual Pengarang 189

3.6.3 Perang Kesedaran 192

3.7 Kesimpulan 193

**BAB 4:****PRAMOEDYA ANANTA TOER DAN HEGEMONI JURNALISTIK**

4.1	Pengenalan	200
4.2	Latar Belakang	201
4.3	Realisme Sosialis dan Hegemoni Jurnalistik	229
4.4	Hegemoni Jurnalistik dan Sejarah Sosial di Jawa	238
4.5	Hegemoni Jurnalistik dan Kesedaran Kelas	247
4.6	Kesimpulan	254

**BAB 5:****BENTUK-BENTUK GERAKAN IDEOLOGI KELAS MARGINAL JAWA**

5.1	Pengenalan	257
5.2	Ideologi dan Sosialisasi Teks	258
5.3.	Gerakan Ideologi Terhadap Nilai dan Moral	300
5.4.	Gerakan Ideologi Terhadap Sosiobudaya	311
5.5	Gerakan Ideologi Kesenian	324
5.6	Kesimpulan	334



BAB 6: BENTUK-BENTUK GERAKAN INTELEKTUAL KELAS MARGINAL JAWA

6.1	Pengenalan	337
6.2	<i>Priyayi</i> dan Konsep Kekuasaan Jawa	338
6.3	Gerakan Intelektual Terhadap Kekuasaan Jawa	353
6.4	Gerakan Intelektual Terhadap Bahasa	365
6.5	Gerakan Intelektual Terhadap Falsafah Jawa	412
6.6	Kesimpulan	425

BAB 7: PERANG KESEDARAN DALAM GADIS PANTAI DAN TETRALOGI BUMI MANUSIA

7.1	Pengenalan	430
7.2	Novel Pramoedya Sebagai Perang Kesedaran	431
7.3	Perang Kesedaran Terhadap Undang-Undang Kolonial	441
7.4	Perang Kesedaran Terhadap Kapitalisme	456
7.5	Perang Kesedaran Terhadap Diskriminasi Birokrasi	470
7.6	Kesimpulan	494



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 8: KESIMPULAN

498

RUJUKAN

516



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Karya sastra merupakan hasil kesedaran kejiwaan masyarakat yang berfungsi sebagai kekuatan mental dan cermin masyarakat, dokumen sosial budaya, serta sebagai sistem pemikiran. Ia juga berfungsi sebagai sistem pengetahuan yang dihadirkan pengarang dalam menilai, dan memahami sebuah realiti. Keberadaan sesebuah realiti tersebut diolah, dianalisis dan ditafsirkan melalui penjelajahan secara mendalam ke dalam wilayah pemikiran dan perasaan hingga membentuk suatu wacana kreatif yang disesuaikan dengan persoalan tertentu yang berkembang di dalam masyarakatnya. Seseorang pengarang melontarkan setiap persoalan tersebut dengan bahasa imaginatif dalam pelbagai genre sastra sama ada puisi, cerpen, naskhah pentas mahupun novel. Secara langsung, sesebuah karya sastra merupakan wujud, bentuk, dan cara seseorang

pengarang membicarakan atau mengupas segenap realiti masyarakatnya. Keadaan ini, meletakkan sesebuah karya sastera merupakan cermin kehidupan masyarakat dan menjadi wacana kepada pemikiran pengarangnya yang dihubungkan dengan isu-isu masyarakat yang menaungi kepengarangannya. Karya-karya sastera dalam pelbagai genre itu akhirnya menjadi medium kepada proses interaksi antara pengarang dan masyarakat. Pada masa yang sama, teks-teks sastera juga menjadi lidah kepada masyarakat untuk menyatakan aspirasi dan inspirasi mereka terhadap kelas-kelas sosial lain, misalnya elit-elit birokrasi dan sebagainya. Pengarang secara langsung bertanggungjawab sebagai pena yang 'mencatat' dan menggambarkan segenap kehendak masyarakatnya atau kelas-kelas sosial yang diwakilinya dalam karya-karya mereka.

Kesusasteraan dan realiti sosial masyarakat menjadi dua unsur yang tidak dapat dipisahkan kerana sastera dicipta dan disusun berdasarkan pelbagai perubahan realiti tersebut. Realiti sastera merupakan suatu cara pandang seseorang pengarang dalam melakukan penafian atau penerimaan terhadap sesebuah kenyataan atau fenomena sosial yang melingkari kehidupannya, sama ada untuk mengukuh kedudukan kelas atau menguasai kelas-kelas sosial lain. Perkembangan ini meletakkan sesebuah karya sastera sebagai gambaran sosial yang memperlihatkan kembali realiti masyarakat yang pernah terjadi melalui pendekatan khusus (bahasa dan persuratan), sesuai dengan pemikiran dan ideologi pengarangnya. Ahli sosiologi Jerman, Karl Manheim mengemukakan pendapat bahawa setiap karya seni (termasuk sastera) akan menyampaikan makna pada tiga tahap yang berbeza dalam membicarakan sesebuah realiti sosial. Tahap pertama iaitu makna objektif (*objective meaning*), merupakan hubungan sesebuah karya sastera dengan dirinya sendiri; sama ada karya sastera gagal atau berjaya dalam memunculkan keindahan

dan objektif yang hendak disampaikan. Tahap kedua merupakan peringkat makna ekspresif (*expressive meaning*), iaitu hubungan antara karya dengan latar belakang psikologi pengarangnya, sama ada karya sastera ditulis untuk mengingatkan kembali sesuatu yang penting dalam kehidupan penciptanya.

Tahap ketiga penulisan sesebuah karya sastera, menurut Manheim adalah makna dokumentari (*documentary meaning*), iaitu makna yang berhubungan antara karya sastera dengan konteks sosial penciptaannya. Sesebuah karya sastera merupakan dokumen sosial tentang keadaan masyarakat dan alam pemikiran mereka dalam menanggapi sesuatu fenomena, peristiwa atau keadaan. Pada tahap ini, karya sastera mempunyai makna setelah diletakkan dalam konteks realiti sosialnya. Struktur karya sastra tersebut pula dibentuk berdasarkan proses penstrukturan nilai-nilai yang terjadi dalam realiti masyarakat. Hubungan antara struktur karya sastera dan struktur ideologi masyarakat pula bersifat dialektik atau dengan kata lain, struktur karya sastera lahir dan dibentuk oleh struktur ideologi masyarakat dan pada masa yang sama, struktur masyarakat juga dipengaruhi oleh karya sastera, terutama karya sastera agung. (Manheim, 1986: 71-73). Oleh kerana hubungan dialektik tersebut, maka sosiologi sastera muncul sebagai disiplin ilmu yang berusaha memahami dan menjelaskan fenomena dua struktur tersebut.

Pemikir Marxisme Itali, Antonio Gramsci memperlihatkan bahawa hubungan sastera dan masyarakat sebagai superstruktur, manakala struktur ekonomi sesebuah masyarakat itu pula merupakan infrastrukturnya. Hubungan-hubungan inilah yang menyebabkan setiap karya sastera memiliki ciri khusus masing-masing yang sesuai dengan keadaan latar kehidupan yang melatarbelakanginya. Meskipun dengan penulisan yang imaginatif, sesebuah karya sastera sebagai cerminan dan ekspresi sesebuah

masyarakat yang dikaitkan dengan sistem dan nilai yang ada dalam masyarakat tersebut. (Sapardi Djoko Damono, 1979:1-4). Dalam pemahaman ini, karya sastra akan memuatkan seluruh keinginan, aspirasi dan pandangan dunia (*world view*) seluruh anggota masyarakat pendukungnya. Georgei Plekanov yang mengadaptasi pemikiran-pemikiran serta gagasan Frederich Engels dan Karl Marx, menjelaskan sesebuah karya sastra terikat pada alat-alat produksi dan berhubungan dengan hak milik kelas-kelas sosial hingga menjadikan sesebuah karya itu bersandar pada sumber utama kehidupan sosial, iaitu perjuangan kelas.

Marx telah meletakkan sastra dan semua elemen kebudayaan untuk mencerminkan pola hubungan ekonomi kerana sastra terikat dengan kelas-kelas yang ada di dalam masyarakatnya. Oleh kerana itu, karya sastra hanya dapat difahami jika dikaitkan dengan hubungan-hubungan tersebut. (Van Luxemburg, 1989: 24-25). Sastra dalam perspektif Marx dan Engels merupakan medium kepada sejarah pertentangan kelas-kelas sosial dalam masyarakat antara proletarian dan borjuis. Sesebuah karya sastra dalam perspektif Marx akan membantu mewujudkan kediktatoran proletarian (*proletarian dictatorship*) yang merupakan proses akhir kepada pertembungan kelas tersebut dengan kemenangan mutlak kelas proletarian. Sastra dan sejarah hanyalah perseteruan antara yang tertindas dengan yang menindas tetapi akan berakhir apabila terciptanya masyarakat tanpa kelas. Kemenangan kelas proletarian ini, merupakan kejayaan kelas buruh dan petani mengatasi kekuasaan kelas pemodal dan kolonial untuk menguasai masyarakat yang dianggap terkebelakang dan tidak menguasai sumber-sumber pengeluaran selain faktor-faktor rasial. (Loomba, 2001:165).

Penguasaan dalam konteks ini bermaksud tindakan-tindakan elit birokrasi peribumi yang berkepentingan dan pihak kolonial yang memiliki objektif untuk menguasai kelas-kelas sosial yang dianggap terpinggir (hamba) dan terpisah dalam aspek ras, etnik, ekonomi dan sosial, seperti yang terjadi di sebahagian besar negara-negara Afrika dan Asia terutama selepas abad ke-15. Bagi mengukuhkan penguasaan kelas kapitalis Eropah ke atas negara-negara Afrika dan Asia, wujud hubungan erat antara mereka dengan kelas bangsawan setempat sehingga wujud bentuk-bentuk penindasan terhadap kelas subordinat peribumi melalui konsep kekuasaan dan kewibawaan. Loomba dalam analisisnya tentang kedudukan ini, menyebutnya sebagai sebuah fantasi kolonial untuk menciptakan kelas baharu termasuk mengenai kedudukan wanita di negara jajahan sebagai kelas rendah dan biadab yang perlu diberi kebudayaan ala Eropah yang hanya dapat direalisasi melalui

Seseorang pengarang akan mengungkapkan pelbagai perubahan dalam masyarakat dengan menyatakan pendapatnya secara sedar, sambil memberikan penilaian tentang apa yang sedang terjadi dengan cara melakukan analisis dan perlawanan terhadap keadaan masyarakatnya yang sedang berhadapan dengan pelbagai fenomena termasuk penjajahan, penindasan dan sebagainya. Sastera tidak sekadar menganalisis estetika bahasa atau struktur sastera secara umum kerana ia merangkumi bidang yang sangat luas seperti refleksi sosial, kemanusiaan, sejarah sosial, perubahan sosial dan nilai-nilai. Sastera membawa nilai-nilai yang mampu memperbaiki cabaran kehidupan sosial masyarakat dan di tangan seseorang pengarang, sesebuah karya melakukan perlawanan damai terhadap elit-elit kekuasaan atau kelas-kelas yang berkuasa. Mereka memiliki kedalaman berfikir yang tinggi hingga mampu mengetengahkan pemikirannya dalam ungkapan-ungkapan

yang lebih halus seperti mana yang dapat ditemukan dalam tulisan-tulisan pengarang agung dunia seperti Jalalluddin Rumi, Al-Ghazali, Umar al-Khayyam, Sayyid Qutb, Muhammad Iqbal atau penulis-penulis Eropah seperti Marxim Gorky, Leo Tolstoy, Frederich Nietzsche, Franz Kafka dan lain-lain.

Pengungkapan-pengungkapan oleh seseorang pengarang tentang pelbagai peristiwa tersebut secara langsung meletakkan novel sebagai media massa untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca tentang sesebuah fenomena. Sebagai sebuah teks naratif, novel mengisahkan suatu keadaan atau fenomena yang mencerminkan kehidupan sebenar untuk merangsangkan imaginasi para pembacanya. Dalam bidang komunikasi, novel dapat difahami sebagai: *who says what which channel to whom with what effect?* (Leswell, 2007: 117). Pandangan ini bererti, seseorang pengarang merupakan komunikator dan pelapor (*who says*), manakala fenomena (tema) yang diketengahkan di dalam sesebuah novel itu pula merujuk kepada *what says* (apa yang diungkapkan) dan novel itu pula berfungsi sebagai medium atau saluran (*in channel*) untuk mengungkapkan fenomena nyata yang difiksyen oleh oeh seseorang pengarang. *What effect* pula merujuk kepada kesan daripada pembacaan novel-novel tersebut pada pembaca. Novel akan dimanfaatkan oleh seseorang pengarang yang berfungsi sebagai komunikator untuk menjelaskan sesebuah fenomena masyarakatnya sehingga sesebuah novel merupakan sebuah kesatuan makna yang difiksyenkan oleh pengarang. Akhirnya, novel menjadi sebuah teks yang memberi peluang kepada setiap pembaca memahami makna dan fenomena yang difiksyenkan oleh pengarangnya yang akhirnya mengarah kepada kesedaran mental. (Laughey, 2007: 71-74).

Di Indonesia, muncul pengarang-pengarang besar yang menjadikan sastra sebagai medium jurnalistik untuk meletakkan karya sastra terutama novel sebagai alat untuk meruntuhkan hegemoni kekuasaan yang dianggap menindas kelas subordinat, khususnya di Jawa, selain bertujuan memperkasakan gerakan-gerakan intelektual kelas tersebut. Antaranya Pramoedya Ananta Toer (seterusnya hanya akan disebut sebagai Pramoedya) yang dianggap sebagai pelopor kepada sastra 'perlawanan' terhadap sejarah kolonialisme Belanda dan keberadaan *priyayi-priyayi* tradisional (bangsawan peribumi) yang bersekongkol dengan Belanda untuk menguasai rakyat di Hindia Belanda. Melalui tetralogi *Bumi Manusia* yang terdiri daripada empat novel iaitu, *Bumi Manusia* (1980), *Anak Semua Bangsa* (1980), *Jejak Langkah* (1985) dan *Rumah Kaca* (1988), selain novel *Gadis Pantai* (1987) yang mengungkapkan perlawanan terhadap sistem feudal dan institusi kepriyayian Jawa. Novel-novel Pramoedya tersebut memiliki ciri khas iaitu penggambaran sejarah yang sangat menebal, sama seperti sebahagian besar novel-novelnya yang lain dengan mengangkat fakta-fakta realiti sosial di Jawa pada awal abad ke-20 ketika Belanda mencengkam kukuh di Hindia Belanda dan ketika kedudukan kelas feudal Jawa begitu dominan. (Pamela M., 2000: 34-37). Watak *Gadis Pantai* dalam novel *Gadis Pantai* nialnya, merupakan gambaran secara kreatif tentang bentuk-bentuk penindasan elit-elit birokrasi dan feudal Jawa terhadap kelas marginal dalam pelbagai aspek seperti hak, diskriminasi terhadap kedudukan wanita, penggunaan bahasa, status sosial dan sebagainya.

Watak Minke dalam tetralogi *Bumi Manusia* pula merupakan gambaran tokoh pelopor jurnalisme Indonesia, Tirta Adi Suryo yang difiksyenkan untuk menggambarkan pergerakan jurnalistik terhadap kebiadaban sistem feudal dan kolonialisme Belanda.

Secara langsung melalui pendekatan jurnalistik ini, Pramoedya menggambarkan karyanya itu sebagai sastra jurnalistik yang berdasarkan fakta-fakta sosial di Jawa sejak 1840-an. Fokus utama novel-novel beliau adalah kelas marginal Jawa yang cuba menentang hegemoni elit-elit birokrasi tradisional dan para pegawai kolonial yang berusaha menyelamatkan hari-hari terakhir keberadaan mereka di Indonesia. Sikap Pramoedya dalam mengangkat kelas marginal Jawa ini tidak terlepas daripada keyakinannya pada realisme sosialis iaitu sesebuah karya sastra memaparkan imej-imej pemberontakan yang mewakili kelas tersebut terhadap semua bentuk ketidakadilan dan kepincangan, serta pembelaan terhadap humanisme.

Pramoedya yang merupakan salah seorang pengarang dalam Lembaga Kebudayaan Rakyat (Lekra), organisasi kebudayaan Parti Komunis Indonesia (PKI), yakin bahawa sastra merupakan sebahagian daripada perjuangan umat manusia termasuk di Indonesia untuk menghancurkan penindasan ke atas kelas subordinat Jawa. Selain itu, fungsi paling penting sastra dalam perspektif realisme sosialis dan Lekra ialah menghapuskan imperialisme-kolonialisme Belanda, meningkatkan kehidupan kelas pekerja di Hindia Belanda melalui kemenangan dalam perebutan hegemoni. (Pramoedya Ananta Toer, 2003: 46). Kolonialisme dan kedudukan *priyayi-priyayi* tradisional Jawa pada pandangan pengarang-pengarang Lekra telah melahirkan sisi-sisi gelap dalam kehidupan kelas marginal Jawa seperti penindasan, penafian hak dan perampasan dalam aspek moral serta nilai. Akhirnya, sastra dalam konteks Pramoedya menjadi medium pemberontakan sebagai simbol ketidaksetujuan terhadap kewibawaan kolonial dan para *priyayi* tradisional yang lupa terhadap tanggungjawab asal mereka terhadap segenap rakyat Jawa.



Salah satu unsur yang sangat penting mengenai kolonialisme Belanda di Hindia Belanda ialah kewujudan sistem pemerintahan tidak langsung (*indirect rule*) iaitu suatu sistem pentadbiran yang dilaksanakan melalui birokrasi peribumi tradisional yang bertindak sebagai penghubung antara Belanda dan penduduk. Di samping para pegawai tinggi kolonial iaitu Gabenor Jeneral, Residen, Penolong Residen dan *Controleur* (pegawai-pegawai Belanda di bawah Residen) terdapat kelompok elit birokrasi peribumi yang dilantik dan digaji oleh Belanda iaitu *priyayi* yang bertanggungjawab langsung kepada pemerintah kolonial untuk urusan-urusan pentadbiran, perekonomian dan keselamatan. Mereka terdiri daripada *Bupati*, *Patih*, *Wedana* dan *Asisten Wedana* yang pada asalnya merupakan pembesar-pembesar tradisional yang dilantik oleh raja-raja Jawa untuk mentadbir tanah-tanah jajahan mereka secara autonomi. Namun, pada masa kolonial mereka berfungsi sebagai pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya mentadbir daerah-daerah di bawah kekuasaan kolonial.

Pada era kolonial Belanda (1621-1941), sebagai kelompok elit tradisional yang memiliki dwifungsi dalam birokrasi kolonial memiliki kekuasaan mutlak sebagai *ambtenaar* (pegawai kerajaan kolonial), sekali gus sebagai pegawai-pegawai tinggi peribumi dalam pentadbiran kolonial (*Inlandsch Bestuur*) yang turut dikenali sebagai *pangreh praja*. Mereka pada dasarnya berada satu tahap di bawah pegawai-pegawai awam Belanda (*Binnerlandsch Bestuur*) yang mempunyai hierarki yang lebih tinggi kerana bertanggungjawab langsung kepada residen sesebuah wilayah atau daerah. (Sutherland, 1979:7). Selepas tahun 1901, Belanda memperluaskan jawatan pegawai awam peribumi dengan membuka peluang tersebut tidak hanya kepada golongan aristokrat peribumi yang berketurunan raja Jawa (*priyayi-priyayi*) tetapi juga masyarakat



awam melalui pendidikan yang ditawarkan di sekolah-sekolah kepegawaian, sekolah pertanian dan sebagainya.

Golongan *priyayi* tertinggi disebut *Priayi Ageng* (bangsawan tinggi) yang merupakan kerabat terdekat para ratu dan raja-raja tradisional manakala keturunan yang mempunyai hubungan yang jauh dengan pemerintah tersebut dikenali sebagai *Priyayi Cilik*. Istilah *priyayi* menjadi terkenal selepas Clifford Geertz melakukan penelitian tentang masyarakat Jawa pada tahun 1960-an, dan mengelompokkan masyarakat Jawa ke dalam tiga golongan: *priyayi*, *santri* dan *abangan*. Kelompok *santri* merujuk kepada individu atau kelompok yang memiliki pengetahuan dan mengamalkan agama Islam secara taat. *Abangan* pula merujuk kepada dan kelompok masyarakat Jawa bukan *priyayi* dan juga bukan *santri* atau dengan kata lain kelompok masyarakat yang mengamalkan Islam yang bercampur-aduk dengan adat-adat tradisional dan kepercayaan Jawa (*kejawen*). Namun, penggolongan ini tidaklah terlalu tepat, kerana penggolongan *priyayi* dan bukan *priyayi* adalah berdasarkan garis keturunan seseorang, sedangkan penggolongan *santri-abangan* dibuat berdasarkan sikap dan perilaku seseorang dalam mengamalkan agamanya (Islam). Pada kenyataannya, ada *priyayi* yang *santri* dan ada pula yang *abangan*, bahkan para *priyayi* yang bukan beragama Islam (Geertz, 1960: ix-x, Budiono Herusatoto, 2008: 114-116).

Pangkat atau status seseorang *priyayi* dibahagikan berdasar kepada tinggi rendahnya kedudukan keluarga *pangreh praja* yang menjadi induknya sama ada yang tertinggi (*Gusti Pangeran*) hingga pangkat terendah iaitu *Raden*. (Savitri Prastiti Scherer, 1985: 53-54). Kelompok ini, pada era kolonial Belanda mempunyai keterikatan yang kuat

dengan peraturan-peraturan kolonial hingga menyebabkan mereka menjadi elit yang terputus daripada akar dan kehidupan kebudayaan terutamanya mulai pada pertengahan abad-19 ekoran dasar ekonomi Belanda melalui Sistem Tanam Paksa (*Cultuursteesel*) yang diperkenalkan pada 1830-1870 dan Dasar Liberal (1870-1900) di Jawa. (Frederick, 1988: 3-5).

Penyimpangan tersebut tidak diberi perhatian oleh pemerintah kolonial kerana keuntungan atau pulangan ekonomi yang diperoleh Belanda daripada sistem tersebut sebanyak 823 juta guilden berjaya menyelesaikan hutang-hutang negara itu. Pada masa yang sama, persepsi masyarakat Jawa terhadap *priyayi* dan *pangreh praja* pada dasarnya tidak banyak berubah kerana telah diatur oleh sistem *Kawula-Gusti* (hamba-pemerintah) yang mengandungi makna kekeramatan, keagamaan dan pengabdian iaitu setiap rakyat Jawa mesti mengabdikan diri kepada pemerintah sebagai pemimpin. Kedua-dua hierarki sosial ini saling memerlukan antara satu sama lain. Konsep ini dapat ditemukan dalam banyak cara hidup masyarakat Jawa seperti di bidang kebudayaan serta agama (sebelum dan sesudah Islam) dan pada masa yang sama mereka percaya bahawa negara dan *Gusti* merupakan dua institusi yang menyelenggara dan menyusun seluruh masyarakat untuk kepentingan bersama. Dengan demikian, hubungan-hubungan pentadbiran, pelantikan-pelantikan politik dan penaklukan terhadap daerah-daerah lain merupakan salah satu tindakan untuk mencapai hubungan-hubungan yang lebih sempurna antara *Kawula* dan *Gusti* yang kemudiannya dimanfaatkan oleh Belanda untuk mengukuhkan cengkaman mereka di Hindia Belanda sejak era Syarikat Dagang Hindia Timur Belanda (*Vereenigde Oost Indische Compagnie-VOC*) pada 1621. (Heather Sutherland, 1979: 49-51).



Pada tahun 1901, keputusan Belanda memperkenalkan Dasar Politik Etis (Etika) sebagai 'balas jasa' terhadap pengorbanan marginal Jawa ketika pelaksanaan Sistem Tanam Paksa dan Dasar Liberal telah memunculkan *priyayi-priyayi* moden yang terdiri daripada rakyat biasa. Kelompok baharu inilah yang mempunyai kesedaran kelas untuk meruntuhkan hegemoni kolonial dan *priyayi-priyayi* tradisional, sekali gus mewujudkan kediktatoran proletarian tanpa melalui kekerasan. Pada masa yang sama, elit-elit kekuasaan tradisional dan kolonial Belanda terus berusaha mengukuhkan hegemoni mereka terhadap kelas marginal Jawa bagi memastikan kepentingan-kepentingan mereka terus kekal. Perkembangan kebangkitan nasional dan isu-isu kesedaran kelas yang berkembang dalam masyarakat Jawa sebelum 1900, telah difiksyenkan oleh Pramoedya untuk mewujudkan perlawanan-perlawanan dan gerakan ideologi serta intelektual terhadap struktur kekuasaan dan elit birokrasi tradisional di Jawa dalam *Gadis Pantai* dan novel-novel dalam tetralogi *Bumi Manusia*. Pemikiran-pemikiran radikal yang menolak peranan para *priyayi* oleh Pramoedya dan pengarang-pengarang yang bernaung di bawah Lekra tersebut sebenarnya merupakan kesinambungan kepada gerakan-gerakan radikalisme kesusasteraan yang bermula sejak awal abad ke-20 atau lebih tepat pada era Kebangkitan Nasional yang ditandai oleh sikap Belanda yang lebih terbuka terhadap peribumi dalam beberapa aspek seperti pendidikan, politik dan kesusasteraan.

Novel *Gadis Pantai* merupakan asas untuk memahami 'perlawanan-perlawanan' ideologi dan intelektual kelas marginal terhadap kekuasaan elit-elit birokrasi tradisional yang dikaitkan dengan status sosial, hierarki bahasa Jawa, falsafah Jawa, kapitalisme Jawa dan lain-lain. Semua gerakan ideologi dan intelektual ini diletakkan dalam wacana hegemoni jurnalistik iaitu satu gerakan mewujudkan satu perang kesedaran (*war of*



awareness) terhadap birokrasi feudal dan institusi kepriyayian Jawa. Tetralogi *Bumi Manusia* pula merupakan wacana baharu realisme sosialis Pramoedya yang membawa imej pemikiran hegemoni humanisme-proletarian dalam berhadapan dengan beberapa isu yang lebih besar iaitu persoalan negara bangsa, pertembungan kelas, kemunduran bangsa dan persoalan peminggiran sejarah dan paling penting ialah pertembungan hegemoni dengan dominasi Jawa yang sangat menonjol seperti yang digambarkan dalam novel-novel tersebut. Dengan kata lain, karya-karya ini tidak lagi tertumpu kepada persoalan perebutan hegemoni antara realisme sosialis dan humanisme universal dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan, tetapi persoalan hegemoni humanisme-proletarian dalam menghadapi kekuasaan, kepincangan politik, isu kemanusiaan dan keadilan dan paling penting ialah isu peminggiran kelas marginal Jawa oleh sistem feudal dan kolonial.

Pramoedya meletakkan dirinya sebagai wartawan dan komunikator kelas marginal untuk memperjuangkan kelompok tersebut ketika berhadapan dengan hegemoni para *priyayi* sebagaimana gagasan pemikir Marxis Itali, Antonio Gramsci yang melihat dalam sebuah sistem sosial, akan wujud satu pertembungan intelektual dan budaya antara kelompok dominan dan kelas marginal. Pertembungan tersebut seterusnya mengarah kepada pembentukan hegemoni oleh mana-mana kelas yang dominan serta berjaya menguasai kelas lain. Dalam hal ini, karya sastera, khususnya novel (merujuk kepada novel *Gadis Pantai* dan tetralogi *Bumi Manusia*) merupakan salah satu bentuk tindak balas yang muncul daripada kesedaran mental pengarang terhadap nilai yang hidup dan berkembang di tengah-tengah masyarakat kerana novel tidak pernah terlepas daripada sistem sosiobudaya yang melingkarinya. Sebagai salah satu instrumen media, novel melontarkan maklumat dan wacana oleh pengarang kepada khalayak (kelas marginal

Jawa) yang dianggap sebagai penerima pasif. Berdasarkan Teori Jarum Hipodermik, maklumat-maklumat yang disampaikan oleh penulis atau pengarang akan dicerna oleh pembaca untuk mewujudkan kesedaran pengetahuan dan keupayaan berfikir mereka. (Elvinaro Ardianto, dll, 2009: 67).

Kelima-lima novel ini melontarkan maklumat tentang kepriyayan Jawa, peminggiran kelas marginal, diskriminasi kolonial terhadap peribumi dan pelbagai isu yang berkembang dalam hubungan antara kelas-kelas sosial di Jawa dan Hindia Belanda yang diolah secara fiktif untuk mewujudkan perang kesedaran dalam kalangan kelas marginal yang menerima maklumat-maklumat tersebut. Fungsi novel-novel inilah yang disebut sebagai hegemoni jurnalistik yang diadaptasi daripada konsep hegemoni tandingan (*counter hegemony*) oleh Gramsci dan Teori Jarum Hipodermik. Ertinya, dalam *Gadis Pantai* dan *Tetalogi Bumi Manusia*, Pramoedya merupakan intelektual organik yang bertanggungjawab menggerakkan hegemoni jurnalistik dengan menjadikan novel-novelnya sebagai medium komunikasi untuk melontar ideologi dan intelektual kelompoknya (kelas marginal Jawa). Ia bertujuan mewujudkan satu kesedaran mental, mengubah pemikiran awam (*common sense*) kelas marginal dan membawa mereka keluar daripada kesedaran palsu (*false consciousness*) yang dicipta oleh elit feudal dan kolonial bagi mengukuhkan hegemoni mereka.